

TARIKH	AHAD, 5 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM SUNTIK SENTIMEN POSITIF
M/S	10
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Kenaikan gaji penjawat awam suntik sentimen positif

• Jumlah kenaikan RM10 bilion hanya akan masuk ke pasaran sebagai perbelanjaan persendirian pengguna pada 2025 yang pasti akan membantu meningkatkan kadar KDNK pada tahun depan

• Walaupun mungkin pada asalnya ada perancangan lain untuk penjimatan ini termasuk bagi menampung penurunan defisit, misi kenaikan gaji sektor awam dilihat lebih tinggi prioriti dan strategik



Oleh Prof Emeritus
Dr Barjoi Bardai
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Hari Pekerja sangat penting selepas ditangguhkan beberapa kali dan lebih 12 tahun tiada kenaikan secara formal.

Ini pasti disambut meriah lebih 1.7 juta kakitangan awam, namun tidak dapat lari daripada mendapat kritikan termasuk sebahagian pakar ekonomi yang melihatnya sebagai langkah populis.

Ada berpandangan kenaikan membabitkan lebih RM10 bilion perbelanjaan emolument sektor awam atau lebih 10 peratus daripada perbelanjaan kerajaan sebagai keterlaluan.

Namun, secara umum, semua pihak mengalu-alukannya sebagai langkah positif menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap nasib dan kedudukan kakitangan sektor awam yang jauh ketinggalan dalam tahap pendapatan mereka.

Kenaikan gaji ini paling penting akan membantu semua kakitangan sektor awam menangani isu kos sara hidup.

Apakah pekerja sektor awam dianggap tidak produktif hingga gaji mereka sudah optimum? Pembantu awam gred H11 misalnya dibayar gaji pokok RM1,218 sahaja sebulan. Pada gred W17, gaji permulaannya ialah RM321 sebulan. Tahap ini jauh lebih rendah daripada kadar gaji minimum dikenakan dalam sektor swasta dan jauh lebih rendah daripada tahap kemiskinan pada RM2,208.

Berasaskan kadar keperluan kos hidup sebanyak RM2,500 bagi seorang bujang, kadar gaji sekarang kurang separuh keperluan hidup minimum. Berapa ramaikah kumpulan kakitangan awam terbahit pada kadar ini?

Mereka ini adalah dalam kumpulan 710,468 pelaksana di gred 1 hingga 40. Jadi bilangan mereka mungkin ramai kerana lebih 70 peratus kumpulan kakitangan sektor awam adalah daripada kumpulan tidak mahir dengan kelulusan minimum Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau setara. Pelaksanaan skim gaji baharu ini akan meningkatkan pendapatan kumpulan ini daripada purata RM1,795 kepada RM2,000 sebulan.

Jangkaan peruntukan lebih RM10 bilion untuk 1.7 juta pekerja ini bermakna kenaikan purata RM490 sebulan bagi setiap kakitangan. Ini kadar kenaikan dianggap berpada memandangkan kenaikan gaji akan diberi pada kadar lebih tinggi untuk kumpulan

berpendapatan rendah berbanding kumpulan berpendapatan tinggi.

Kenaikan gaji ini berlaku pada Disember dan dirasai kumpulan pekerja pada 2025 sahaja. Jadi, penjawat awam hanya menerima faedah pada 2025. Jumlah kenaikan RM10 bilion ini akan masuk ke pasaran sebagai perbelanjaan persendirian pengguna pada 2025. Ini pasti akan membantu meningkatkan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun depan.

Paling penting, pengumuman ini memberikan rangsangan kepada penjawat awam meningkatkan prestasi pada tahun ini, walaupun ganjaran hanya diterima tahun depan.

Ini juga memberikan sentimen positif dan keyakinan kepada isi rumah serta seluruh warga Malaysia bahawa negara sedang menuju puncak dalam prestasi ekonominya.

Rombak sistem percukaian

Isu penting yang menjadi persoalan umum ialah kerajaan hari ini sudah sarat dengan beban belanjawan yang meningkat setiap tahun. Daripada RM292 bilion dibelanjawankan pada 2022, ia menjangkau RM400 bilion pada 2024.

Dari jumlah ini, lebih RM95.64 bilion diperuntukkan sebagai emolument. Kini ia dijangka meningkat lebih RM105 bilion pada 2025.

Persoalannya, bagaimana kos kenaikan gaji ini akan dapat ditampung kerajaan? Kenaikan Belanjawan 2025 sebanyak RM10 bilion ialah peningkatan hampir 10 peratus.

Ini perlu dilihat dengan senario kerajaan sedang secara serius cuba mengurangkan defisit belanja-

wan yang kini menjangkau 5.6 peratus. Matlamatnya, menurunkan defisit ke tahap 3 peratus menjelang 2028.

Jumlah pinjaman kerajaan juga dijangka menjangkau RM1.8 trilion menjelang 2025. Jadi kerajaan perlu menjadi sumber pendapatan baharu untuk menampungnya.

Satu sumber sedang dirancang ialah penjimatan daripada pengenalan program subsidi bersasar untuk petrol dan diesel. Daripada jumlah peruntukan lebih RM45 bilion bagi 2025, dijangkakan lebih RM30 bilion akan dijimatkan apabila program subsidi bersasar diperkenalkan pada Mei ini.

Walaupun mungkin pada asalnya ada perancangan lain untuk penjimatan ini termasuk bagi menampung penurunan defisit, misi kenaikan gaji sektor awam dilihat lebih tinggi prioriti dan strategik.

Rombakan sistem percukaian adalah satu yang perlu dilakukan. Cukai ke atas kumpulan kaya dalam negara, termasuk golongan T20 adalah satu sasaran perlu dilakukan.

Dalam jangka pertengahan, penstrukturan sektor awam amat perlu. Sektor awam di negara ini diandaikan terlalu besar dan menggelembung. Daripada 1.2 juta orang pada 2012, kini sektor awam mempunyai lebih 1.7 warga pekerja.

Namun, sebenarnya jika diperinci dan dipecahkan secara khusus, sektor awam Malaysia masih kecil. Ia nampak besar kerana semua warga kerja berkait dengan kerajaan seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), polis, tentera dan kastam disatukan sebagai pasukan pekerja sektor awam.

Sebenarnya kita masih kekurangan doktor, jururawat, guru serta warga penguasa. Mungkin kita mempunyai kelebihan sedikit dalam warga kerja di pejabat kerajaan berbanding negara jiran.

Apa yang perlu dibuat untuk meningkatkan prestasi sektor awam adalah melatih lebih 70 peratus kumpulan warga kerja tidak mahir dalam bidang aplikasi kecerdasan buatan (AI) dan mengagihkan mereka semula ke subsektor dalam perkhidmatan awam ini.

Apa pun, pengumuman kenaikan gaji sektor awam pada Hari Pekerja adalah langkah ke hadapan dalam menjadi rangsangan dan pemangkin kadar pertumbuhan ekonomi negara yang amat diperlukan.

Sekurang-kurangnya, ia menyuntik keyakinan baharu dan sentimen positif bukan sahaja kepada sektor awam, tetapi juga seluruh ekonomi untuk maju memanfaatkan potensi wujud daripadanya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Pengumuman kenaikan gaji sektor awam pada Hari Pekerja adalah langkah ke hadapan dalam menjadi rangsangan dan pemangkin kadar pertumbuhan ekonomi negara yang amat diperlukan”

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM